KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16.03.22	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	JMG			

Tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2

72 rumah terjejas jika cerun runtuh lagi



Kesan runtuhan di Bukit Permai 2, Ampang Jaya. (Foto Fathil Asri/BH)

Pihak berkuasa akan keluarkan arahan pengosongan dengan segera

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sebanyak 72 unit rumah di Taman Bukit Permai 2 di Ampang Jaya berkemungkinan terjejas sekiranya berlaku lagi runtuhan cerun.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata perkara itu dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Hulu Langat, Dr Ani Ahmad.

"Beliau mendapat laporan membuktikan bahawa keadaan cerun di kawasan itu tidak selamat dan kita sudah mengenal pasti 72 rumah yang berkemungkinan terjejas jika berlaku runtuhan kali kedua dan ketiga.

"Justeru, pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah akan mengeluarkan arahan untuk pengosongan di rumah berkenaan dalam kadar segera untuk mengelakkan perkara yang sama berlaku," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor, semalam.

Beliau berkata, selepas arahan pengosongan dikeluarkan, ia akan diikuti dengan usaha pembaikan dan pemulihan cerun yang akan dilakukan secepat mungkin selepas kos diperolehi.

"Pada peringkat awal, sejumlah 48 rumah dikesan (mungkin terjejas) dan selepas kajian dibuat, sejumlah 72 rumah dikesan terutamanya di bahagian bawah. Rumah ini berisiko tinggi jika dibiarkan terutamanya dalam keadaan hujan dan sebagainya. Malah menerusi kajian itu, pergerakan kecil tanah dapat dikesan," katanya.

> Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah akan mengeluarkan arahan untuk pengosongan di rumah berkenaan dalam kadar segera untuk mengelakkan perkara yang sama berlaku
>
> ***Amirudin Shari,*** *Menteri Besar Selangor*



Terdahulu, ujian kajian kestabilan tanah dijalankan oleh pasukan teknikal terdiri daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Media pada 11 Mac lalu melaporkan, lebih 200 penghuni 48 rumah di Taman Bukit Permai 2, Ampang Jaya diarah mengosongkan kediaman masing-masing demi keselamatan diri, selain memberi ruang kepada pihak berkuasa membuat kajian terperinci susulan kejadian tanah runtuh.